

U GB 22-04 00177 BH534
aab

Mahathir - Dulang

KERTIH, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata syarikat-syarikat minyak di negara ini perlu mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan mereka selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, walaupun industri petroleum negara telah mencapai kemajuan yang pesat dalam tempoh agak singkat, sektor itu tidak boleh berpuas hati kerana wujudnya persaingan sengit dalam urusan minyak dan gas.

Semasa berucap melancarkan minyak mentah Dulang yang terletak di perairan Terengganu, beliau berkata syarikat-syarikat minyak tempatan juga perlu merebut peluang perniagaan yang kini terbuka luas di negara-negara Indo-Cina.

+Kini peluang lebih besar untuk mencarigali minyak terdapat di negara-negara seperti Myanmar dan Vietnam dan syarikat-syarikat tempatan seharusnya menyediakan diri untuk merebut peluang-peluang ini dengan membuat tawaran bagi melaksanakan projek-projek di luar negara,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyambut baik langkah Petronas kerana menubuhkan Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd yang menjalankan usaha-usaha mencarigali minyak di Myanmar serta merancang membuat usaha yang sama di Vietnam. -- Lagi

♥22/04/22-06MST

U GB 22-04 00206 BH535
aab

Mahathir - Dulang 2 Kertih

+Sekiranya berjaya, usaha-usaha seperti ini akan menolong membangunkan negara-negara jiran yang secara langsung atau tidak langsung akan membawa banyak manfaat kepada negara kita,+ kata Perdana Menteri.

Kemiskinan negara jiran akan menghalang pertumbuhan dagangan dan ini akan merugikan negara seperti Malaysia yang bergantung kepada perdagangan untuk pertumbuhan ekonomi, katanya.

Mengenai minyak mentah Dulang, Perdana Menteri berkata, ia merupakan minyak mentah Malaysia kelima selepas minyak mentah Miri, Labuan, Tapis dan Bintulu dan apabila dibangunkan sepenuhnya, ia mampu menyumbangkan satu per sepuluh daripada pengeluaran minyak negara.

+Walaupun Dulang ialah minyak mentah baru, saya gembira mendapat tahu bahawa ia telah menerima sambutan yang amat menggalakkan di pasaran,+ katanya.

Kemudahan pengeluaran Dulang yang canggih di rantau ini, kata beliau, membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu menghadapi sebarang cabaran dengan menggunakan kebolehan dan pendekatan mereka.

Pembinaannya merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan bagi industri petroleum Malaysia kerana kelengkapan termoden di pelantar itu dibina oleh syarikat-syarikat pembuat dan limbungan kapal tempatan.

+Projek Dulang telah mendedahkan mereka ini kepada satu dimensi baru yang memberikan mereka peluang untuk mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan menerusi penimbaan pengalaman dan kepakaran yang tidak ternilai,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama

♥22/04/22-06MST